

Rakyat Palestin Pelarian Di Negara Sendiri



Oleh : Nurasilah binti Ruzi
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 7 Jun 2021

Pada 7 Mei 2021 bersamaan 25 Ramadan 1442 Hijrah, dunia digemparkan dengan khabar yang sangat mendukacitakan dari Palestin.

Seramai 184 jemaah Masjid al-Aqsa cedera dalam serangan yang dilancarkan oleh tentera rejim Zionis yang tidak berperikemanusiaan di pekarangan Haram Al-Syarif dan sekitar Baitulmuqaddis Timur.

Berdasarkan *Twitter* rasmi al-Aqsa, tragedi itu berlaku ketika jemaah sedang mendirikan solat sunah tarawih di masjid berkenaan.



Gambar hiasan.

Sementara itu agensi media Turki, Anadolu melaporkan beberapa petugas media mendakwa mereka turut cedera akibat ditembak bertalu-talu oleh tentera rejim Zionis.

Lebih memburukkan keadaan, tentera Zionis yang biadab turut menyerang petugas perubatan yang merawat mangsa yang cedera dalam serangan tersebut.

Media tempatan melaporkan beberapa butir bom asap dilontarkan ke dalam Masjid al-Aqsa secara rambang dan beberapa tembakan peluru getah turut dilepaskan secara rambang kepada orang awam yang tidak berdosa oleh tentera rejim.

Insiden bermula apabila hakim mahkamah Jerusalem memutuskan untuk mengusir 12 daripada 24 keluarga Palestin di kejiranan Sheikh Jarrah dan memberikan rumah mereka kepada pendatang Yahudi.

Keputusan itu menyebabkan sebahagian rakyat Palestin mengadakan tunjuk perasaan sebagai tanda bantahan.

Pengusiran mereka di kejiranan Sheikh Jarrah boleh diumpamakan sebagai Hari Nakbah kecil. Hari Nakbah merujuk pada tarikh 15 Mei 1948 di mana tentera rejim Zionis Israel menceroboh lebih 500 bandar dan kampung di Palestin sehingga menyebabkan kira-kira 700,000 rakyat Palestin menjadi pelarian di negara sendiri.

Sejak era 1970-an, rejim Zionis Israel telah berusaha menerapkan 'keseimbangan demografi' di Jerusalem dengan nisbah 70:30 yang mengehadkan jumlah penduduk Palestin di kota itu menjadi 30 peratus atau kurang.

Menurut wartawan Barat, Jeremy Bowen dalam bukunya, *Six Days: How the 1967 War Shaped the Middle East*, masyarakat yang telah menetap lebih 1000 tahun di situ telah dimusnahkan, dihalau dan terpaksa merempat di serata Asia Barat.

Rakyat Palestin lari atas sebab yang sama iaitu untuk menyelamatkan nyawa dan melindungi anak-anak mereka daripada kekejaman rejim Zionis Israel yang melakukan pembersihan etnik.

Kemudian disusuli pula maklumat terbaharu tentang cubaan mengusir sedikit demi sedikit penduduk di bandar Silwan yang terletak di barat daya Masjid al-Aqsa. Israel melihat bandar tersebut sebagai lokasi yang sangat strategik.

Selain itu, menurut akaun *Instagram eye.on.palestine* menyatakan, kejiranan Wadi Hilweh, Al-Bustan, Batn Al-Hawa, Wadi Yasoul, Wadi Ein Al-Lozeh dan Wadi Rababah turut menjadi tumpuan rejim Zionis untuk menjadikan semua kejiranan ini sebagai kawasan penempatan haram pendatang Yahudi.

Dunia sekarang melihat negara Palestin dengan negara yang penuh dengan konflik agama tetapi sebenarnya ia berkaitan dengan kemanusiaan sejagat.

Isu Palestin boleh diselesaikan secara diplomasi. Kaedah itu tidak bermaksud menerima kegagalan secara hakiki, apatah lagi mengiktiraf kewujudan Israel.

Solidariti dalam kalangan negara Islam juga boleh menyumbang kepada usaha yang lebih konkrit dalam menyelesaikan isu Palestin sekali gus memastikan rakyatnya tidak lagi dilayan seperti pendatang di tanah air sendiri.